

Yayasan Petronas bantu ubah hidup 100 keluarga

KUALA NERUS - Pendapatan isi rumah 100 keluarga di negeri ini berjaya ditingkatkan menerusi penyertaan mereka dalam Program Sentuhan Harapan - Planting Tomorrow anjuran Yayasan Petronas.

Enam bulan lalu, peserta terbabit diberikan pendedahan dalam siri latihan berterusan merangkumi aspek kemahiran pengurusan kewangan, pemasaran produk, imej dan penampilan diri.

Di samping itu, setiap peserta program keusahawanan itu juga menerima bantuan makanan asas bulanan bernilai RM80 sebulan

selama setahun melalui sistem pembayaran tanpa tunai Yayasan MyKasih.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Petronas, Lita Osman berkata, program itu merupakan salah satu komitmen Yayasan Petronas terhadap wanita dari kalangan keluarga nelayan serta ibu tunggal.

"Program keusahawanaan ini telah berjaya membantu menambahkan pendapatan isi rumah golongan B40 dan ekonomi masyarakat setempat.

"Sejak ia dimulakan pada tahun 2018, sokongan dan sumbangan kami merangkumi program pembangunan keupayaan dan sumbangan keperlu-

an asas," katanya selepas menyempurnakan Majlis Penutup Program Sentuhan Harapan - Planting Tomorrow di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ibrahim Fikri di sini, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar Petronas Pantai Timur, Datuk Wan Mohd Hasnan Abdullah.

Mengenai program itu, Petronas menyumbang RM7 juta menerusi program Planting Tomorrow yang telah dijalankan di beberapa negeri di Malaysia.

"Sejumlah 400 keluarga dari Terengganu telah mengikuti program ini sejak ia dimulakan tahun lalu," katanya.



Peserta Program Sentuhan Harapan - Planting Tomorrow bersama Lita (tengah) selepas menerima sijil masing-masing.